



Ruj. Kami : KPM.600-17/1/18 Jld 2 (5)

Tarikh : 13 Mac 2020

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN PERHIMPUNAN SEKOLAH SEMASA PENULARAN PENYAKIT
CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengikuti dan memantau perkembangan penularan jangkitan penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Badan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO). KPM mengambil perhatian yang serius mengenai penularan penyakit ini dalam kalangan warga sekolah bawah pentadbiran KPM.

3. Surat Langkah-langkah Menangani Penularan Wabak *Current Novel Coronavirus* (COVID-19) daripada Ketua Setiausaha Negara pada 13 Mac 2020 menyarankan semua kementerian supaya menanggungkan program-program tidak kritikal yang menghimpunkan orang ramai. Oleh itu, KPM menyarankan agar semua aktiviti dan program berkaitan pendidikan seperti program sukan dan aktiviti kokurikulum, perhimpunan rasmi sekolah, program sambutan keraian, program-program latihan, persidangan, kolokium, kem, seminar, kursus, program, mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Festival Guru Malaysia dan seumpamanya ditanggungkan sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

4. Oleh hal yang demikian, jika terdapat aktiviti yang tidak dapat dielakkan pihak JPN/ PPD/ sekolah diminta untuk mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- 4.1 Tidak digalakkan untuk bersalaman dengan tetamu (memadai sekadar meletakkan tangan kanan di dada di sebelah kiri dan mengucapkan salam sebagai tanda hormat);
- 4.2 Saringan suhu badan dilaksanakan untuk mengenal pasti mereka yang bergejala;

...2/

**PELAKSANAAN PERHIMPUNAN SEKOLAH SEMASA PENULARAN PENYAKIT
CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

KPM.600-17/1/18 Jld2(5)

Tarikh : **13** Mac 2020


- 4.2 Sekiranya bergejala dinasihatkan agar menjarakkan diri (*social distancing*) sekurang-kurangnya satu meter apabila berhadapan dengan orang lain atau memakai topeng muka;
 - 4.3 Kerap mencuci tangan dengan sabun atau menggunakan *hand sanitizer*;
 - 4.4 Sentiasa mengamalkan etika batuk yang betul;
 - 4.5 Tutup mulut dan hidung dengan tisu apabila batuk dan bersin;
 - 4.6 Elakkan menyentuh mata, hidung, dan mulut; dan
 - 4.7 Murid yang bergejala tidak dibenarkan hadir ke sekolah.
5. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ tuan/ puan mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di JPN/ PPD dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/ Dato'/ tuan/ puan.

Keperihatinan YBhg. Datuk/ Dato'/ tuan/ puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI ADZMAN BIN TALIB)

**PELAKSANAAN PERHIMPUNAN SEKOLAH SEMASA PENULARAN PENYAKIT
CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Ruj. Kami : KPM.600-17/1/18 Jld(5)

Tarikh : **13** Mac 2020

- s.k.
1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
 6. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
 7. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
 8. Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
 9. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
 10. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
 11. Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta
 12. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian